

RAYUAN REGENT KAPADA ORANG RAMAI

"JAUHI-LAH KACHAU DAN PERGADOHAN"

BANDAR BRUNEI.—Ingatan supaya penduduk2 negeri ini hidup dalam damai dan rukun antara satu dengan lain telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara,



Duli Pengiran Bendahara

sa-orang ahli Majlis Pemangku Raja, dalam satu ucapan-nya pada malam 20 January lepas.

Ucapan itu telah di-siarkan oleh Radio Brunei dan mengenai satu peristiwa di-Seria yang melibatkan anggota2 Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu dengan penduduk2 tempatan.

Berikutan dengan peristiwa itu

Pemangku Pegawai Penerangan

BANDAR BRUNEI.— Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara telah mulai berchuti hari ini sa-lama enam bulan.

Jawatan-nya di-pegang oleh Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Abdul Rajid sa-bagai pemangku Pegawai Penerangan Negara.

empat orang anggota Pulis Persekutuan sekarang berada dalam tahanan. Mereka itu akan di-bicarakan esok atas tuduhan sengkaja melakukan kechederaan ka-atas dua orang Melayu Brunei di-panggong wayang Roxana, Seria. Peristiwa itu berlaku pada malam 15 January.

Dalam ucapan merayu penduduk2 negeri ini bertenang Duli Pengiran Bendahara berkata:

"Oleh sebab telah sampai ka-pengetahuan saya tentang hal yang berlaku di-Seria itu, peris-

tiwa Pulis Malaya bergaduh, dan hal ini telah menimbulkan rasa ta' puas hati kapada orang ramai di-Seria dan Kuala Belait.

"Oleh kerana di-bimbangkan hal ini akan menjadi kekacauan, maka ini-lah saya menyeru kapada segala lapisan ra'ayat Brunei supaya bertenang dan jangan-lah menjalankan hal tersebut sampai membawa kapada perkara yang tidak di-ingini.

"Saya suka ma'alumkan bahawa perkara itu sekarang ini telah di-serahkan kapada pengetahuan mahkamah.

"Saya harap sa-kali lagi supaya semua ra'ayat Brunei bertenang dan manjauhan kekacauan yang berlaku itu."

ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

BANDAR BRUNEI.— Satu perkahwinan Diraja telah di-langsungkan di-sini di-antara sa-orang puteri kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dengan sa-orang putera kapada Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba.

Pengantin perempuan itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Jalahir, manakala pengantin laki2 pula ia-lah Pengiran Ibrahim.

Persandingan itu telah di-langsungkan di-rumah besar Duli Pengiran Bendahara di-Jalan Carey pada hari Jumaat yang lalu.

Di-antara ramai yang hadir di-istiadat persandingan Diraja itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia dan Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei.

Sa-belum istiadat persandingan Diraja itu di-langsungkan satu perarakan kereta2 mengandungi beratus2 orang telah mengiringi pengantin laki2 dari rumah-nya di-Kilanas, ka-rumah besar Duli Pengiran Bendahara.

Sa-lepas istiadat persandingan itu, pengantin laki2 dan perempuan telah berarak mengelilingi bandar.

D.Y.M.M.
BALEK
DARI
BERCHUTI


BANDAR BRUNEI.—

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat balek ka-Brunei pada tengah hari Jumaat yang lalu sa-lepas berada di-Malaya semenjak bulan December yang lalu.

Baginda telah berangkat ka-Malaya kerana meng-hadhiri istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu.

Di-antara yang hadir di-lapangan terbang tempatan untuk menguchapkan selamat balek kapada Duli Yang Maha Mulia ia-lah Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Shahbandar yang telah menjadi pemangku2 Raja pada masa baginda berada di-luar negeri.

Pada petang hari tersebut Duli Yang Maha Mulia telah menghadhiri istiadat perkahwinan di-antara puteri Duli Pengiran Bendahara dengan putera Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba.



Guru2 besar sekolah2 Melayu Brunei yang menghadhiri kursus ulang kaji baharu2 ini bergambar ramai di-dewan Civic Centre, Bandar Brunei.

PENJELASAN TENTANG DASAR PELAJARAN BAHARU

Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, dalam ucapan-nya mengalu2kan kedatangan guru2 Melayu menghadiri kursus ulang kaji di-maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei di-Berakas baharu2 ini telah menerangkan tanggung jawab guru2 dalam usaha mengembangkan pelajaran di-negeri ini.

Uchapan-nya yang mengambil masa hampir sa-tengah jam itu juga mengandungi ringkasan dasar pelajaran baharu yang sedang di-kaji oleh kerajaan pada masa ini.

Antara shor2 dalam dasar pelajaran baharu itu ia-lah:

◆ Menjadikan bahasa Melayu bahasa pengantar dalam semua sekolah dari darjah permulaan hingga ka-darjah school certificate.

◆ Menubuhkan sekolah2 lanjutan supaya murid2 yang tidak layak mencapai pelajaran tinggi hingga ka-school certificate di-beri pelajaran yang berkaitan dengan pertukangan, nelayan, pertanian dan lain2 supaya mereka dapat bekerja kelak untuk men-chari nafkah sa-hari2.

Antara lain ucapan Inche Idris berbunyi:—

Darjah ulang kaji ini adalah memberi ingatan kepada guru2 untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan juga pendapat2 baharu kepada murid2 dan juga memberi peluang kita beramai menghurai-kan sa-suatu kesulitan yang berkaitan dengan pelajaran dan sa-bagai-nya.

Sa-lain dari pegawai2 pejabat pelajaran, ketua2 pejabat dan pegawai2 dari pejabat lain akan mengambil bahagian dalam darjah ulang kaji ini dan saya mengambil peluang meng-ucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada mereka sakalian.

Saya berasa dukachita oleh sebab tidak dapat menjemput pensharah2 yang pakar dari negeri2 luar untuk memberi sharahan dan mengambil bahagian dalam darjah ulang kaji ini. Jabatan Pelajaran akan menjemput ahli2 pen-sharah dari negeri2 luar saperti Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu untuk mengambil bahagian dalam darjah ulang kaji yang akan di-adakan pada kali yang lain, boleh jadi dalam pertengahan tahun ini.

Sa-lain dari kursus ulang kaji ini ada juga kursus ulang kaji yang lain yang telah di-laksanakan baharu2 ini. Satu kursus ulang kaji yang berkaitan dengan sukan dan senaman telah di-laksanakan di-daerah Brunei ini untuk sa-kumpulan guru2 di-daerah Brunei dan kursus ini telah juga di-adakan untuk guru2 di-daerah Belait, Tutong dan sa-terus-nya di-daerah Tem-burong.

Satu rancangan untuk mengadakan kursus ulang kaji dalam pelajaran lukisan pun

akan di-laksanakan. Dan dengan ada-nya kursus2 ini sudah-lah tentu guru2 akan menambah lagi ilmu pengeta-huan dan chara2 mengajar dan dengan jalan itu bersama2 meningkatkan taraf pelajaran di-negeri ini.

Perjumpaan ini sudah tentu memberi peluang kepada guru2 sakalian untuk bertemu muka dengan rakan2 mereka yang beberapa bulan, beberapa tahun sudah tidak bertemu muka, dan juga akan memberi peluang bertemu untuk bertukar2 fikiran, merapat tali per-

pada guru2-lah sa-suatu ne-gara menumpukan kepercha-yaan yang penoh berkaitan dengan pendidekan dan me-lateh penduduk2 yang akan menjadi penduduk2 yang ber-guna untuk negeri. Tengge-lam timbul-nya sa-suatu ne-geri itu terpulang-lah kepada tenaga dan usaha guru2.

Kewajipan2 ini lebeh2 lagi penting-nya terhadap guru2 besar, oleh sebab guru2 besar, sa-lain dari melateh dan men-didek murid2 terpaksa-lah juga mentadbir urusan2 seko-lah dan guru2 penolong, dan guru2 besar juga akan men-jadi asas hubungan muhibbah dan kerjasama antara sekolah dan masyarakat kampung.

Pendek-nya guru2 besar ter-

paksa-lah menjadi suatu chon-toh yang baik bukan sahaja kepada murid2 bahkan kapa-da guru2 dan orang2 tempa-tan. Ini ia-lah satu tanggung jawab yang sangat berat yang terpaksa di-pikul.

Saya suka juga mengambil peluang ini untuk berchakap sedikit berkenaan dengan da-sar pelajaran ia-itu dasar pe-lajaran baharu yang tidak da-pat tidak guru2 sakalian telah mendengar-nya.

Saya tidak dapat menghurai dengan panjang lebar dasar pelajaran itu sebab dasar itu maseh di-kaji kerajaan hari ini. Sa-benar-nya dasar ini tidak ada perbezaan-nya de-ngan chara2 menyampaikan pelajaran yang ada pada masa ini.

Bahasa pengantar yang di-chadangkan dalam dasar pe-la- (Lihat muka 3)

BAHASA JIWA BANGSA

Keputusan peperiksaan sijil darjah rendah

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Sekolah Perempuan Saint Angela Convent, Seria telah mencapai kejayaan yang besar dalam peperiksaan Brunei Junior Certificate yang telah di-adakan pada bulan November yang lalu.

Keputusan peperiksaan tersebut yang telah di-umumkan oleh Jabatan Pelajaran baharu2 ini menunjukkan bahawa semua 23 orang penuntut2 sekolah tersebut telah lulus dalam peperiksaan ini.

Tujuh orang daripada mereka itu telah mendapat pangkat yang pertama.

Daripada 29 orang penuntut2 Sekolah Saint Michael, Seria yang masuk peperiksaan tersebut, hanya sa-orang sahaja yang tidak lulus.

Tiga orang daripada penuntut2 yang lulus itu telah mendapat pangkat yang pertama.

Keputusan peperiksaan Brunei Junior Certificate di-antara pen-nuntut2 sekolah2 Inggeris kepunyaan Kerajaan di-negeri ini adalah saperti berikut:

Anthony Abell College, Seria: 52 orang penuntut masuk pe-pe-reksaan dan 48 orang penuntut2 yang lulus, 6 orang mendapat pangkat yang pertama.

Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei: 55 orang penuntut2 masuk peperiksaan dan 25 orang penuntut2 yang lulus.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei: 30 orang penuntut2 yang masuk pe-pe-reksaan dan 10 orang penun-tut2 yang lulus.




Inche Idris bin Babji

sahabatan antara satu dengan lain dan terus menerus-nya kursus yang sa-macham ini akan menimbulkan satu hasil yang sudah tentu akan men-datangkan faedah bukan sahaja berkenaan kemajuan bakhakan kemajuan negara dan tanah ayer juga.

Saya suka mengingatkan kepada guru2 ia-itu sa-orang guru tidak akan dapat men-jadi guru yang sempurna sa-kira-nya dia tidak menjadi sa-orang murid yang dahaga untuk menerima pelajaran dan ilmu pengetahuan dan sa-bagai-nya. Oleh sebab itu sa-lain daripada kursus2 ini, jaba-tan pelajaran berchadang hendak mengadakan buku2 baharu dan majallah2 ba-haru yang berkaitan dengan ilmu mengajar untuk guru2 sakalian.

Sekarang saya suka hendak berchakap sedikit berkenaan dengan kewajipan2 guru2 dan juga kewajipan2 guru2 besar.

Kewajipan2 guru ada-lah sangat tinggi harga-nya. Ka-



Inche Umar bin Mohamed, kiri, setiausaha agong Persatuan Guru2 Melayu Brunei dan Inche Suni bin Idris, setiausaha perhubungan luar PGGMB akan berangkat ka-Manila esok kerana menghadiri persidangan guru2 seluruh Asia di-sana.

Persidangan itu akan di-buka pada 8 February dan akan tamat pada 22 February. Wakil2 dari Brunei itu di-jualukan balek ka-Brunei pada 23 February.



738 KERJA BUROH KOSONG DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Masaalah yang sa-benar-nya mengenai buroh2 tempatan tidak mempunyai pekerjaan yang sering di-jadikan buah mulut sekarang ini bukan-lah soal penganggorean tetapi yang sa-benar-nya kerja yang menchari orang.

Mithal-nya pada masa ini ada 738 kerja2 kosong, tetapi hanya tidak lebeh 200 orang yang mendaftar yang menyatakan tidak mempunyai pekerjaan dan dua pertiga daripada orang yang mendaftar itu berkehendakkan kerja2 pada Kerajaan dan kompi sa-mata2.

Demikian di-nyatakan oleh Inche' Zaini bin Haji Ahmad, dari Pejabat Buroh tatkala menjawab masaalah penganggorean di-Negeri Brunei yang menjadi buah mulut orang2 pada masa ini.

BEBERAPA FAKTOR

Inche' Zaini menegaskan bahawa sebab2 mereka tidak mahu menerima kerja2 yang di-tawarkan itu tidak-lah di-ketahui dengan sah-nya, tetapi di-perchayai ada-lah di-sebabkan beberapa faktor, antara-nya :

- * Gaji mereka yang di-bayar oleh majikan tidak sa-padan dengan kerja2 yang di-buat mereka;

- * Kerja2 yang di-tawarkan itu tidak tetap dan tidak menjamin kehidupan;

- * Tempat tinggal tidak di-se-diaikan;

- * Kerja2 yang di-tawarkan itu rendah taraf-nya pada anggapan

mereka, mereka lebeh suka memi-leh kerja peon dari kerja2 menu-reh getah, membersekan long-kang dan lain2; dan

- * Kerja2 kosong itu jauh dari bandar.

"Hal ini tidak akan dapat di-selesaikan begitu sahaja, melain-kan tergantung kepada chara berfikir anak2 negeri ini supaya menganggap bahawa kerja2 itu ada-lah untuk sara hidup tiap2 manusia dengan mengukur kebo-lehan diri masing2 menurut tar-af-nya masing2", kata Inche Zaini Haji Ahmad.

SAMBUTAN TURUN-NYA AL-KORAN

BANDAR BRUNEI. — Pera-duan membacha al-koran dan sharahan kerana menyambut malam turun-nya al-koran akan di-adakan di-sini sedikit hari lagi di-bawah anjoran pelajar2 agama Kerajaan Brunei di-Singapura dan Persekutuan Ta-nah Melayu.

Peraduan bachean al-koran ada-lah terbuka kepada orang2 dewasa yang berumur 16 tahun ka-atas dan kepada kanak2 yang berumur 15 tahun ka-bawah.

Peraduan sharahan pula ada-lah terbuka kepada pelajar2 Muslimin di-seluruh Negeri Brunei.

Tarikh akhir menerima per-mohonan masuk berada dalam peraduan bachean al-koran ia-lah pada 19 February dan tarikh akhir menerima permohonan peraduan sharahan ia-lah pada 12 February.

Orang2 yang ingin masuk ber-ada dalam peraduan2 tersebut sila-lah berhubung dengan Pe-nggerusi peraduan2 itu, Inche Ibrahim bin Mudim Haji Ismail, Kampong Kianggeh, Bandar Brunei.

BAHASA KEBANGSAAN IA-LAH BAHASA PERPADUAN

PENUNTUT2 LANJUTKAN PELAJARAN DI-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang bekas penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah berangkat ka-Perseku-tuan Tanah Melayu baharu2 ini untuk melanjutkan pelajaran me-reka dalam bahasa Inggeris.

Mereka ia-lah Mustapha bin Tahir, Abdul Karim bin Mo-hamed dan Musa bin Yakob.

Penuntut2 tersebut akan belar di-Maktab Tentera di-Port Dickson, Negeri Sembilan sa-hingga mereka tamat peperek-saan darjah sembilan.

Tidak berapa lama dahulu tiga orang bekas penuntut2 se-kolah2 Inggeris di-negeri ini telah di-pilih untuk berlatah sa-bagai bakal pegawai2 dalam As-kar Brunei. Mereka itu ia-lah:

Awangku Ibnu bin Pengiran Apong, Sulaiman bin Damit dan Mohamed bin Haji Daud.

Melayu jadi bahasa pengantar

(Dari muka 2)

jaran itu ia-lah bahasa Me-layu terus menerus daripada darjah rendah melalui dar-jah tengah rendah sampai ka-School Certificate.

Tetapi di-sini terpaksa-lah kita berfikir dapat-kah kita dengan serta-merta menggan-tikan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar di-darjah2 tinggi dengan bahasa Melayu? Brunei maseh lagi berkehenda-kan penuntut2-nya pergi ka-university yang bahasa pe-ngantar-nya maseh bahasa Inggeris. Tetapi sungguh pun begitu, persediaan mesti-lah di-buat untuk menukar sama sa-kali bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu di-tiap2 lapi-san persekolahan di-negeri ini.

Tetapi sa-belum kita dapat mengadakan guru2 yang terlatah dari sekolah2 tinggi, dan sa-belum kita dapat jaminan ia-itu kita boleh menghantar penuntut2 kita yang sudah lulus darjah tinggi dalam ba-hasa Melayu ka-university2 yang boleh menyampaikan il-mu2 tinggi seperti perubatan, ilmu engineering dalam bahasa Melayu, tidak dapat-lah kita dengan serta merta menukar bahasa pengantar di-darjah2 tinggi dengan bahasa Melayu.

Ini bukan-lah bermaana sa-ya menganggap bahasa Me-layu itu satu bahasa yang le-mah, tidak sa-kali2. Bahasa Melayu sedang meluas. Ia akan mengambil tempat ba-hasa2 lain sa-tapak demi sa-tapak dengan chara beransor2.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak menyatakan ber-kenaan dengan dasar pelajaran ia-lah berkenaan dengan penu-bohan sekolah2 lanjutan.

Sekolah lanjutan ia-lah se-kolah untuk murid2 yang telah lulus dalam darjah rendah atau pun darjah 6 dan di-ang-

gap murid2 ini tidak layak un-tok menchapai pelajaran2 ting-gi sampai ka-School Certifi-cate, sampai ka-university. Se-kolah lanjutan ia-lah sekolah menengah rendah dengan pe-lajaran biasa sampai darjah form III dan bersama2 dengan ilmu2 pengetahuan yang biasa juga di-sampaikan kepada me-reka ia-lah pertukangan, per-tanian nelayan dan sa-bagai-nya, yang berkaitan dengan pekerjaan di-tiap2 tempat atau tiap2 kampung.

Dengan jalan itu, apabila sa-orang murid lulus sekolah lanjutan itu bukan sahaja dap-at ia membacha dan menu-lis tetapi dapat-lah dia bekerja untuk nafkah hidup. Itu ia-lah satu langkah yang ta'da-pat tidak di-laksanakan.

Di-Persekutuan Tanah Me-layu dalam dua tiga tahun ini beberapa sekolah lanjutan telah pun di-tubuhkan dan di-sini pun mustahak di-adakan sekolah yang sa-macham itu.

Saya suka juga mengambil peluang ini untuk meminta guru2 besar sakalian menukar pendapat atau perasaan yang maseh ada kepada kanak2 dan juga ibu bapa ia-itu tiap2 murid yang telah bersekolah di-jamin oleh kerajaan apa-bila lulus mendapat peker-jaan.

Itu tidak sa-kali2. Tidak ada satu kerajaan dalam dunia yang boleh memberi jaminan yang saperti itu.

Pelajaran sa-benar-nya ia-lah untuk mendidik sa-orang kanak2 untuk menjadi ahli atau pun pendudok negeri yang sedar akan hak2-nya dan insaf atas kewajiban dan tanggung jawab-nya. Ini-lah satu perkara yang terpaksa kita menukar perasaan dengan jalan beransor2 dan dengan ilmu pengetahuan dan bukan

ada perasaan ia-itu pelajaran ia-lah sa-benar-nya menchapai satu alat yang akan menda-tangkan pekerjaan dalam per-khidmatan kerajaan.

Sudah-lah tentu kerajaan akan menolak tuntutan2 pada masa yang akan datang, kerana kerajaan tidak akan dapat memberi jawatan kepada se-mua murid2 yang lulus dari tiap2 sekolah.

Saya suka juga mengambil peluang berchakap berkenaan dengan latehan guru2. Lebeh kurang 40% guru2 di-sekolah rendah dalam negeri ini maseh belum terlatah.

Maktab Perguruan ini dan maktab2 Persekutuan Tanah Melayu yang menerima penun-tut2 kita untuk mempelajari chara mengajar menjadi guru tidak dapat akan mengatasi perkara ini dengan sa-chepat2-nya. Oleh itu Jabatan Pela-jaran telah mengemukakan kepada Kerajaan ia-itu tiap2 guru pelatah yang di-ambil ita pada tahun yang pertama akan di-sampaikan ilmu2 me-ngajar yang lebeh kemas dan lebeh tetap.

Pada hujung tahun yang pertama guru2 itu akan me-ngambil satu peperiksaan dan sa-kira-nya lulus dengan baik mereka tentu akan di-pilih masuk ka-maktab ini atau maktab yang lain2. Tetapi sa-orang yang tidak di-pilih masuk maktab perguruan ini juga di-sifatkan guru yang terlatah. Dengan jalan ini dapat-lah kita mengatasi ke-adaan yang ada sekarang.

Boleh jadi dalam lima enam tahun lagi tidak lagi musta-hak kita adakan guru2 pelatah jadi guru kerana penun-tut2 yang jadi guru boleh terus menerus datang dari sekolah menengah ka-maktab perguruan ini.

BULAN RAMADAN PENOH DENGAN PENGAJARAN

Dalam pertengahan bulan ini akan timbul-lah bulan Ramadan, bulan puasa bagi umat Islam seluruh dunia. Ketibaan bulan yang mulia ini di-tunggu2 oleh umat Islam dengan segala kegembiraan kerana ia penoh dengan pengajaran rohani dan keinsafan jiwa untuk membentok peribadi dengan kesabaran dan bertimbang rasa sa-sama manusia.

Tinggi rendah-nya nilai peribadi bergantung pada kejujuran diri, keikhlasan dalam amalan yang tidak di-dorong oleh sa-suatu paksaan yang dapat di-pelajari dari ibadat berpuasa.

PERASAAN GEMBIRA

Kegembiraan yang paling agong dapat di-rasai oleh orang2 yang genap sa-bulan puasa-nya, ia-lah sa-masa berhari raya ia-itu suatu perasaan yang berbeza sa-kali dari perasaan gembira yang di-dapati dari lain2 amalan.

Sa-lain dari berpuasa dalam bulan Ramadan umat Islam di-suruh membanyakkan ibadat dalam bulan yang mulia ini.

Berpuasa itu ia-lah satu dari rukun Islam yang lima dan di-amalkan sa-bagai satu chara untuk meninggikan akhlak supaya manusia hidup dalam rukun dan damai antara satu dengan lain.

Berpuasa itu bukan-lah terhad pada umat Islam sahaja. Boleh-lah di-katakan bahawa semua ugama yang di-dapati di-dunia ini menetapkan puasa bagi penganut2-nya mengikut chara2 yang di-tentukan oleh ugama2 itu.

Akan tetapi berpuasa dalam bulan Ramadan yang di-kehendaki oleh Islam itu adalah satu perkara yang telah di-tetapkan dan di-amalkan mengikut chara2 yang tertentu sa-lama sa-bulan dari terbit fajar hingga jatuh matahari.

KEMULIAAN AL-KORAN

Ramadan ia-lah juga bulan yang penoh dengan hikmat. Al-Koran telah di-turunkan Tuhan dalam bulan Ramadan. Ini bermakna bulan yang akan datang ini ia-lah ulang bulan turun-nya Al-Koran kepada dunia dan dalam bulan inilah juga umat Islam di-kehendaki menyedari dengan bersungguh2 akan hikmat yang boleh di-dapati dari kemuliaan Al-Koran.

Berpuasa mengikut Islam bukan hanya menahan diri dari makan dan minum. Ia juga menyuruh umat menahan nafsu, mata, mulut, telinga dan sa-bagai-nya. Mithal-nya, sa-orang yang berpuasa itu tidak boleh memandang sa-orang lain dengan niat yang serong.

Orang yang berpuasa itu

tidak boleh berbuat bohong, mengumpat, berdendam, bertengkar atau bergaduh.

Bukan sahaja orang yang berpuasa itu tidak boleh berbuat bohong, bertengkar dan sa-umpama-nya, ia tidak harus mendengar orang berdusta. Orang yang berpuasa itu hendak-lah juga menjaga gerak geri-nya. Ia tidak boleh berniat salah kerana itu akan membatalkan pahala puasanya.

Dengan berpuasa 16 jam lebih kurang sa-hari dengan tidak makan dan minum sa-lama sa-bulan, orang2 kaya itu akan mengetahui kesusahan

hidup orang2 miskin yang sentiasa merasa kelaparan dan keda h a g a n. Perasaan ini akan menimbulkan keinsafan dan kemurahan hati hendak membantu orang2 yang ti d a k bernasib baik.

Ini-lah sebab-nya maka telah di-tetapkan bayaran zakat dan fitrah dan surohan bersedekah kepada fakir miskin yang memerlukan pertolongan dan bantuan daripada saudara2-nya yang kaya.

Berpuasa dalam bulan Ramadan juga menjelaskan bahawa dengan bantu membantu tadi, maka timbul-lah perasaan persaudaraan bukan sahaja antara umat Islam bahkan dengan segala makhluk dengan tidak mengira bangsa, ugama atau keperchayaan kerana manusia itu ada-lah satu asal dan manusia ia-lah satu keluarga besar.

Kechualian berpuasa di-beri dalam beberapa perkara seperti, mengembara, sakit, tua, tidak berdaya, kanak2, ibu yang mengandung, ibu yang menyusukan anak dan lain2.

Tetapi sa-orang yang mengembara itu, jika tidak berpuasa hendak-lah meneruskan puasa-nya sa-telah sampai ka-tempat yang di-tuju-nya, demikian juga orang2 yang sakit mereka itu hendak-lah berpuasa sa-telah baik dari sakit-nya.

Orang yang tidak berdaya berpuasa di-kehendaki berse-

kah dan memberi makan fakir miskin.

Puasa itu akan batal jika muntah, makan dan minum, menghisap rokok dan melakukan beberapa perkara lagi dengan sengahja.

Sa-orang yang berjaya mengerjakan puasa itu ada-lah juga berjaya menguasai diri-nya dari membuat perkara2 yang keji dan kenafsaan, kerana seperti lain2 rukun Islam puasa juga bertujuan untuk membersekan diri.

Dari segi ini puasa meninggikan akhlak yang tidak shak lagi akan dapat mengatasi dan menolak segala perkara yang



Pemandangan di-luar mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Orang2 Islam kelihatan keluar dari mesjid sa-telah menunaikan fardhu Juma'at.

jahat yang di-tempoh oleh sa-saorang. Apabila kuasa menguasai dan menjauhkan diri dari perkara2 yang keji itu di-punyai oleh sa-saorang ia akan berasa gembira dan bershukor dan ini-lah satu dari hikmat2 berpuasa.

Sungguh pun berpuasa ia-lah satu peratoran bagi menahan nafsu, ia juga satu jalan untuk menambah kesehatan kerana sa-orang yang memenohi sharat2 berpuasa itu hendak-lah juga membersekan badan, ia-itu satu sharat kebersehan dalam hidup sa-hari2.

Makanan yang lebih lazat yang di-dapati dalam bulan puasa ia-lah makanan rohani yang di-dapati-nya dari kekuatan semangat menolak makanan2 pada siang hari dalam bulan puasa.

Orang yang berpuasa itu

penoh keperchayaan-nya kapada Allah kerana sungguh pun ia akan berasa lapar dan dahaga tetapi ia perchaya jika ia membtalkan puasa-nya dengan makan dan minum pekerjaan-nya itu akan di-perhatikan dan di-ketahui oleh Allah.

Puasa juga menguatkan iman. Sa-orang itu tidak akan membuat sa-suatu kerja yang jahat dan keji walau pun di-tempat2 yang tidak di-lihat orang lain, seperti sa-orang penchuri menchuri sa-suatu barang sa-masa tidak di-lihat oleh polis atau lain.

RAHMAT TUHAN

Oleh sebab ia telah berpuasa, tidak makan dan minum dari pagi hingga petang, sa-orang itu akan menghargai rahmat tuhan yang berupa ayer dan sedikit makanan pada masa berbuka puasa pada hal benda2 itu ada-lah benda2 yang biasa sahaja bagi orang2 yang tidak berpuasa dan tidak menghormati kemuliaan berpuasa.

Dengan jalan berpuasa maka terang-lah bahawa orang2 Islam itu di-minta menahan diri dan menahan nafsu daripada membuat jahat dan marah ia-itu suatu latehan hari2 supaya jangan melebehkan kebendaan dari semangat rohani untuk membuktikan bahawa manusia ada-lah lebih mulia daripada haiwan.

MENJAUHI KEJAHATAN

Berkenaan dengan puasa Allah telah berfirman dalam Koran yang dalam bahasa Melayu bermakna lebih kurang seperti di-bawah ini:

"Berpuasa itu telah di-fardhukan bagi kamu, sama-lah juga seperti yang di-fardhukan bagi orang2 yang terlebih dahulu dari kamu supaya kamu dapat menjauhi perkara2 yang jahat."

Dengan firman ini ada-lah jelas bahawa berpuasa itu bukan-lah suatu perkara yang menyeksa diri tetapi ia-lah jalan melateh manusia untuk menjauhi perkara yang keji dan kotor. Berpuasa juga mempunyai tujuan bagi mencapai chita2 yang tinggi seperti menguasai diri dan menjaga diri.

Sa-lama 11 bulan dalam setahun kita telah makan dan minum beberapa kali sa-hari, tetapi sa-lama sa-bulan dalam bulan Ramadan dengan tidak berhenti2 kita berlateh pula menguasai diri kita dari terpengaruh oleh nafsu berkehendakkan makanan dan minuman.

Keiayaan kita menguasai diri kita dalam perkara ini sudah tentu akan meninggikan semangat ia-itu suatu perkara yang sangat mulia dan sangat di-kehendaki.

Ranchangan peraduan Minggu Bahasa Negeri Brunei MINGGU BAHASA 10-16 APRIL

BANDAR BRUNEI.—Untuk menjayakan keseluruhan Minggu Bahasa yang akan berlangsung pada 10 hingga 16 April akan datang maka beberapa peraduan termasuk menyanyi dan membaca sajak yang terbuka kepada orang dewasa Melayu dan bukan Melayu dan murid2 sekolah Melayu dan bukan Melayu akan diadakan sebagai langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu oleh penduduk2 negeri ini sa-suai dengan maksud Perlembagaan negeri ini.

Keputusan mengadakan peraduan2 itu telah di-ambil oleh Badan Peraduan Minggu Bahasa dalam mashuarat-nya baharu2 ini di-rumah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, di-pengerusikan oleh Inche' Umar bin Muhammad.

Peraduan2 lain yang akan diadakan itu ia-lah:

Sharahan.

★ Terbuka kepada orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan; dengan tajok sharahan-nya:

(1) Bahasa dan perkembangan-nya.

(2) Tidak-lah bahasa itu dikenali, jika tidak bangsa itu memperkenalkan.

★ Terbuka kepada orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan; dengan tajok sharahan-nya:

(1) Mempelajari bahasa Melayu itu ada-lah memperkenalkan adat dan bahasa negeri ini.

(2) Satu negara, satu bahasa; dari itu belajar-lah bahasa kebangsaan.

★ Terbuka kepada murid2 Melayu di-semua sekolah lelaki dan perempuan; dengan tajok sharahan-nya:

(1) Bahasa Melayu ada-lah bahasa pengantar di-Gugusan Pulau2 Melayu.

(2) Mempelajari bahasa ibunda itu ada-lah syarat membangun.

★ Terbuka kepada murid2 bukan Melayu di-semua sekolah lelaki dan perempuan; dengan tajok karangan-nya:

laki dan perempuan; dengan tajok sharahan-nya:

(1) Mari-lah kita mempelajari Bahasa Kebangsaan.

(2) Gunakan-lah Bahasa Kebangsaan.

Karangan.

★ Terbuka kepada orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan; dengan tajok karangan-nya:

(1) Ta' kenal maka ta chinta.

(2) Mati bahasa mati-lah bangsa.

★ Terbuka kepada orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan; dengan tajok karangan-nya:

(1) Bacha-lah karangan-ku.

(2) Melaksanakan Bahasa Kebangsaan.

★ Terbuka kepada murid2 Melayu di-semua sekolah lelaki dan perempuan; dengan tajok karangan-nya:

Ketua C. I. D.

BANDAR BRUNEI — Tuan David Forrer, Pengelola Bahagian Special Branch, Pasokan Pulis Negeri Brunei telah balek ka-Brunei baharu2 ini setelah berchuti di-England selama enam bulan.

dan perempuan; dengan tajok karangan-nya:

(1) Memperkembangkan Bahasa Kebangsaan.

(2) Negara mempunyai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan.

★ Terbuka kepada murid2 bukan Melayu di-semua sekolah lelaki dan perempuan; dengan tajok karangan-nya:

(1) Aku belajar bahasa kebangsaan.

(2) Mengapa mempelajari bahasa kebangsaan.

Bahath.

★ Terbuka kepada orang2 dewasa pada tiap2 daerah ia-itu Brunei termasuk Muara, Belait termasuk Seria, Tutong dan Temburong dengan 3 orang tiap2 satu pasokan yang mewakili tiap2 daerah masing2 dengan syarat tiap2 satu pasokan mesti ada seorang Melayu.

Tajok bahath ia-lah:

"Tidak mustahak mempelajari bahasa kebangsaan".

LATEHAN KAKI TANGAN TEMPATAN UNTUK MEMEGANG JAWATAN TINGGI

BANDAR BRUNEI.—Satu kenyataan bahawa Pejabat Perubatan akan sentiasa berikhtiar menghantar kaki tangan tampatan-nya ka-seberang laut untuk mendapatkan latehan telah di-keluarkan oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff, baharu2 ini.

Kenyataan itu di-umumkan berikutan dengan pemergian Tuan Stanley Cheong Fui Siong, Merinyu Kesehatan Kuala Belait ka-Manila sa-lama tiga bulan pada 26 January kerana menghadhiri kursus menchegeh malaria.

Terdahulu dari itu Che Habi-bah binti Hussin, sa-orang staff nurse telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu kerana mendapat latehan dalam rawatan kanak2.

PETI SEJOK JAMIN BEKALAN DARAH

BANDAR BRUNEI.—

Wang sa-banyak \$7,000 telah di-untoakkan kepada Pejabat Perubatan Brunei guna membeli dua buah peti sejok yang baharu dan moden untuk menyimpan bekalan darah.

Sa-buah dari peti itu akan di-simpan di-rumah sakit Kuala Belait dan sa-buah lagi di-rumah sakit Bandar Brunei. Keputusan ini telah di-ambil untuk menjamin bekalan darah bagi menyelamatkan nyawa jika berlaku kechemasan.

Bekalan darah ada-lah sangat mustahak kepada satengah2 ibu yang di-bawa ka-rumah sakit dalam keadaan chemas sa-lepas bersalin di-kampung2.

Di-bawah ranchangan-nya hendak memberi jawatan yang bertanggung jawab kepada pegawai2 tempatan, Dr. Wahab berkata bahawa dua orang lagi akan berlepas ka-luar negeri untuk berlateh sa-belum pertengahan tahun ini.

Miss Thng Siew Wan, sa-orang penolong di-jabatan physiotherapy akan berlepas ka-New Zealand pada 9 February untuk berlateh sa-lama tiga tahun di-New Zealand School of Physiotherapy, Dunedin.

Miss Thng mendapat latehan itu di-bawah ranchangan Colomb.

Sa-lepas itu sa-orang penolong hospital yang kanan, Sh. Osman bin Sh. Hanif pula akan berlepas ka-United Kingdom untuk mengambil kursus pertadbiran rumah sakit dari 10 April hingga 14 July tahun ini.

Pancharagam Pulis Brunei

BANDAR BRUNEI.— Pancharagam Pulis Brunei di-jadualkan bermain saperti berikut dalam bulan ini:

Bandstand, Bandar Brunei, 7 February dari pukul 7 malam; rumah sakit Kuala Belait, 8 February dari pukul 4.45 petang; rumah sakit Bandar Brunei, 14 February dari pukul 4.30 petang, dan Padang Marina Seria 23 February pukul 5 petang.



Ahli2 jawatan kuasa minggu bahasa daerah Tutong bergambar ramai di-tangga bangunan pejabat daerah sa-telah mengadakan satu persidangan baharu2 ini. Jawatan kuasa itu di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Daerah Tutong.

Ibu2 gembira melihat anak2 yang sehat

BANDAR BRUNEI — Satu daripada berbagai2 pemandangan yang mengembirakan sa-orang ibu melihat-nya ia-lah satu kumpulan kanak2 bermain bersama2 dengan hirok pikok ketawa sambil bergumpal dan berkerumun serta khayal dengan permainan2 yang mereka sukai.

Sa-orang ibu yang melihat keadaan saperti ini tidak boleh tidak akan tersenyum dengan perasaan yang terharu dengan mata-nya sentiasa tertarek oleh anak-nya sendiri.

Ibu itu akan memerhatikan anak-nya dan membandingkan-nya dengan kanak2 yang lain. Dalam hati-nya ia berfikir bahawa anak-nya itu-lah yang lebeh manis di-pandang, lebeh chekap dan lebeh chergas bermain dari kanak2 yang lain. Perasaan itu timbul dari kaseh ibu kapada anak dan bagi ibu itu tadi tidak ada anak orang lain yang sapura manis-nya dengan anak-nya sendiri.

Tetapi apa akan berlaku jika ibu tadi terlihat satu perkara yang tidak di-ingini-nya terhadap anak-nya. Kata-lah antara anak2 yang ramai bermain, yang hirok ketawa itu anak-nya tidak begitu gembira.

Ia bermain sa-orang diri dan tidak di-indahkan oleh kawan2-nya oleh sebab ia terlalu lemah atau leteh dan tidak berapa sehat untok bergaul dan bergumpal dengan kanak2 yang lain.

Apabila perkara yang sa-macham ini berlaku ibu itu dengan serta merta menyedari bahawa anak itu bergantung pada-nya tentang kesehatan dan kegembiraan hidup-nya dan kegagalan anak itu ada-lah bermaana kegagalan ibu-nya.

Tetapi kegagalan yang saperti itu yang kerap kali di-dapati bukan-lah hanya di-sebab-

kan kechuaian atau kurang jagaan ibu-nya.

Kegagalan itu juga di-sebabkan oleh keadaan2 yang lain saperti kekurangan pengetahuan dan sa-orang ibu yang mengetahui bagaimana hendak mengatasi kerumitan2 saperti itu ada-lah memenohi satu kewajipan dan tanggung jawab yang penting dalam kehidupan sa-hari2.

Dari sejak makhlok di-jadikan Tuhan, ibu ada-lah bertanggung jawab mendidek anak. Satengah2-nya berjaya dan satengah2-nya tidak berjaya. Sungguh pun ibu itu boleh membiarkan anak-nya besar dengan sendiri-nya tetapi ia hendak-lah juga berikhtiar dan memberi bantuan kapada anak-nya supaya anak itu hidup dan besar mengikut rukun.

Dalam masa kandungan sa-lama sembilan bulan anak itu berharapkan kapada kesehatan ibu-nya untok mendapatkan makanan yang membena dan menguatkan tulang dan anggota2-nya, dan juga mata dan rambut-nya.

Proses menghazamkan makanan menukarkan zat2 yang di-dapati dari kesehatan ibu itu menjadi benda2 yang menyebabkan badan kanak2 itu besar dan sehat.

Keadaan sa-mula jadi memberi kawalan kapada kanak2 sa-masa ia dalam kandungan tetapi kesehatan ibu dalam masa mengandung ada-lah terancam. Perubahan warna rambut dan keadaan gigi ibu ada-lah tanda2 yang pertama untok mengetahui

yang ia tidak makan barang2 yang baik. Tulang-nya akan lemah dan lembek dan akhir-nya ibu itu akan menghidap sa-macham penyakit. Apabila penyakit itu bertambah berat harapan-nya melahirkan sa-orang anak yang sehat akan menjadi tipis.

Hanya makanan yang baik sahaja dari masa di-ketahu ia mengandung sa-hingga chupuk sembilan bulan akan menjamin sa-orang ibu itu dapat melihat anak-nya lahir dalam keadaan yang sehat.

Sa-lepas di-lahirkan kanak2 itu akan menangis. Ia menangis itu kerana meminta makanan dan jagaan yang baik dan kedua2-nya ini boleh di-dapati-nya dari susu ibu-nya kerana Tuhan telah menjadikan susu itu makanan yang lengkap yang diperlukan oleh kanak2 sa-hingga beberapa bulan sa-lepas di-lahirkan.

Tidak lama kemudian ia pun mula-lah mengenal keadaan disakeliling-nya dalam perhubungan-nya hendak bergerak dengan sendiri-nya. Gerak geri kanak2 itu menggunakan tenaga dan yang demikian ia berkehendakkan makanan yang boleh membena dan menguatkan tulang, gigi dan urat-nya.

Pada perengkat ini satu kewajipan lagi akan di-pikul oleh ibu ia-itu ia hendak-lah mengetahui apa-kah makanan yang lebeh baik untok anak-nya supaya ia dapat kelak mengambil tempat-nya yang mengembirakan bersama kanak2 yang lain pada masa bermain.

Kaseh ibu kapada anak ada-lah perkara sa-mula jadi tetapi sa-orang ibu itu hendak-lah mengetahui chara2 menjaga dan mendidek anak dengan sabar dan keazaman.

Walau pun kaseh ibu itu penoh dengan kesabaran dan keazaman kerap kali kemiskinan, kesusahan mendapat makanan dan lebeh2 lagi kekurangan pengetahuan akan menewaskan segala usaha-nya.

LATEHAN MENJADI SISTER

BANDAR BRUNEI — Sa-orang wanita yang bakal memegang jawatan nursing sister yang pertama antara jururawat2 Melayu di-negeri ini telah berlepa ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam minggu lepas kerana ber-



Che Habibah binti Hussin

lateh di-rumah sakit besar Pulau Pinang.

Wanita itu ia-lah Che Habibah binti Hussin, sa-orang staff nurse di-rumah sakit besar, Bandar Brunei.

Che Habibah akan berlateh sa-lama enam bulan dalam urusan rawatan kanak2.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff, berkata bahawa kursus yang akan di-ikuti oleh Che Habibah itu telah di-pilih untok memberi pengalaman yang lebeh luas kapada-nya dalam rawatan kanak2.

Che Habibah mungkin menjadi wanita Melayu Brunei yang pertama memegang jawatan nursing sister sa-telah tamat kursus itu kelak.

Pegawai2 naik pangkat

BANDAR BRUNEI — Tiga orang pegawai2 Jabatan Pelajaran yang telah memegang jawatan baharu masing2 semenjak awal bulan May tahun lepas telah di-lantek memegang jawatan2 itu dengan rasmi-nya mulai awal bulan January ini.

Beliau2 itu ia-lah:

Inche Noordin bin Abdul Latiff, di-lantek menjadi Pengelola Pelajaran Melayu, Brunei.

Inche Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof, di-lantek menjadi Ketua Nazir Sekolah2 Melayu, Brunei.

Yang Berhormat Inche Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, di-lantek menjadi Ketua Nazir Sekolah2 Bahagian Pemakanan, Brunei.

PELAWAT2 RUMAH SAKIT KERAJAAN

BANDAR BRUNEI — Enam belas orang di-antara-nya tujuh orang perempuan telah di-umumkan menjadi ahli2 Lembaga Pelawat rumah2 sakit kerajaan di-Brunei dan Kuala Belait bagi tahun ini. Mereka itu ia-lah:

Rumah sakit Brunei: Yang Berhormat Tuan George Newn Ah Foott, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Awang Mohamed Noor, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed, Pehin Dato Temenggong Lim Cheng Choo, Tuan Howe Soo Beng, Isteri Pengiran Kerma Indra, Isteri Pengiran Metussin dan Puan Chong Thau Fah.

Rumah sakit Kuala Belait: Yang Berhormat Tuan D. B. Petherick, Abang Razali bin Haji Zainuddin, Tuan T. S. Sung, Tuan J.M. Beazley, Che Mariam binti Ali, Puan Fatimah Ahmad, Puan Charlie Focdan Pengiran Aisah binti Pengiran Abu Bakar.



Radio Brunei baharu2 ini telah mengadakan satu pertandingan kerana merobutkan gelaran bintang radio Tutong. Dua bahagian telah di-adakan ia-itu laki2 dan perempuan. Bahagian laki2 telah di-menangi oleh A. B. Radin Mas Ismail (1), Jawi Ibrahim (2) dan Wasli Ibrahim (3).

Chalon2 yang berjaya dalam bahagian perempuan ia-lah A. B. Mashani (1), Norsinah Othman (2), Asmah Awang Tengah (3). Semua-nya delapan orang wanita telah mendaftarkan nama dalam pertandingan tersebut.

Perlawanan bola, rugby Brunei — Sarawak

BANDAR BRUNEI.—Persediaan2 telah pun di-selenggarakan untuk mengadakan pertandingan2 bola sepak dan rugby di-antara pasukan2 tempatan dengan pasukan Sarawak.

Pertandingan2 bola sepak itu akan di-adakan di-Kuching di-antara pasukan Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei dengan sa-buah pasukan dari Negeri Sarawak pada 5 February.

Sa-buah pasukan rugby dari Sarawak akan tiba dari Kuching untuk mengadakan pertandingan rugby dengan sa-buah pasukan tempatan sedikit hari lagi.

Rombongan dari Negeri Brunei mengandungi 16 orang akan berlepas ka-Kuching pada 4 February dan balek ka-sini pada 6 February, dengan menaiki kapal terbang "Prince" kepunyaan Sharikat Minyak Brunei Shell.

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei akan mengetuai rombongan dari Brunei itu.

Lain2 pegawai persatuan itu yang akan berangkat ka-Kuching tiga hari lagi ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut, Naib Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei; Tuan R.G. Clark, Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei dan Tuan P.F.P. Nicholas, sa-orang ahli jawatan kuasa persatuan itu.

Pemain2 yang telah di-pilih untuk mewakili Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei dalam pertandingan bola sepak tersebut ia-lah seperti berikut:

Awangku Johari (Persatuan

Bola Sepak Bandar Brunei), Johnny Marcus (Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei), Daud Junior (Klab Melayu Shell, Seria), Ibrahim Metusin (Klab Melayu Shell, Seria), Moss (Shell Recreation Club, Seria), Masi (P.W.D. Sports Club, Kuala Belait), Ibrahim Ghani (Klab Melayu Shell, Seria), Robert (S.R.C. dan Panaga), Norman Vowles (Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei), Kassim Suhaimi (P.W.D. Sports Club, Kuala Belait) dan Awangku Radin (Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei). Ahli simpanan—Kadir (Klab Melayu Shell, Seria).

KEMAJUAN DARJAH BUTA HURUF DALAM 3 TAHUN

BANDAR BRUNEI — Pengebala darjah Orang2 Dewasa dan Darjah Bahasa Melayu di-sekolah2 China dan Misi, Inche Umar bin Muhammad telah menggesa guru2 Melayu Brunei supaya mengambil bahagian yang lebeh chergas dalam pelaksanaan kedua darjah itu kerana pembangunan negara.

Berucap dalam kursus darjah ulang kaji darjah orang2 dewasa Inche Umar menyatakan bahawa darjah tersebut telah di-adakan sa-belum tahun 1958.

"Pada awal tahun itu penuntut2 darjah orang2 dewasa itu berjumlah 663 orang di-bahagikan kepada 29 darjah dan 25 tempat. Bilangan orang2 de-

wasanya yang menduduki darjah itu pada hari ini hanya-lah 1,000 orang lebeh kurang. Mereka itu di-bahagikan kepada 53 darjah dan 36 tempat di-seluruh negeri.

"Bilangan itu tidak mendapat sambutan yang sa-mesti-nya," kata Inche Umar.

Inche Umar berkata lagi bahawa kejayaan darjah orang2 dewasa itu bergantung kepada kecekapan guru2 dan penerimaan penuntut2 yang belajar.

Terlaksana-nya kedua2 faktor ini terletak di-tangan guru2 yang bertanggung jawab sa-lain dari mengambil bahagian yang chergas dalam pendidekan anak2 di-bangku sekolah.

ANGGOTA2 JAWATAN KUASA CLUB

BANDAR BRUNEI — Tuan Ong Kim Kee telah di-pilih menjadi presiden Brunei Sports Club menggantikan Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit dalam meshuarat agong tahunan club itu yang di-adakan di-sini baharu2 ini.

Lain2 anggota jawatan kuasa baharu club itu ia-lah:

Inche Hamidoon, naib presiden; Tuan Marcus Mah, bendahari; Tuan N. Bradbury, setiausaha; Tuan Weston Keasberry, setiausaha sukan; Tuan Richard Lee, Inche M. Al-Johary, Tuan N. Subramaniam, Tuan Arthur Shim dan Tuan Lim Kah Tiong.

Hokey bekas penuntut2

KUALA BELAIT. — Dalam satu pertandingan hokey sa-chara persahabatan yang telah di-adakan di-padang Kuala Belait Recreation Club baharu2 ini Persatuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College telah seri satu gol berbalas satu dengan Kuala Belait Recreation Club.

Pemain2 kedua2 pasukan telah bermain dengan chergas sa-panjang masa pertandingan itu.

Gol Persatuan Bekas Penuntut2 SOAS telah di-jaringkan oleh Awangku Yassin, forward kanan sa-telah mendapat hantaran bola dari Sharbini sayap kanan persatuan itu dalam pertengahan pertama.

Sungguh pun pasukan Kuala Belait Recreation Club telah beberapa kali menchuba hendak menjaringkan gol-nya akan tetapi tidak berhasil dalam pertengahan pertama.

K.B.R.C. telah dapat menjaringkan gol-nya yang tunggal dalam pertengahan kedua melalui Buang, sayap kiri.

Anak2 serigala bermain bola

SERIA. — Satu pertandingan bola sepak di-antara pasukan2 anak2 serigala telah di-langsungkan di-sini baharu2 ini.

Pertandingan itu ia-lah di-antara pasukan yang pertama anak2 serigala Seria dan pasukan yang kelima anak2 Serigala Panaga.

Kanak2 dari kedua pasukan itu telah bermain dengan chergas sa-panjang masa dan di-saksikan oleh ibu bapa kanak2 itu serta orang ramai.

Kesudahan-nya satu gol pun telah tidak dapat di-jaringkan oleh pasukan2 tersebut.

MELAYU KALAHKAN DAYAK DALAM PERMAINAN BOLA

SERIA — Klab Melayu Shell telah mengalahkan Klab Dayak Shell dengan dua gol tidak berbalas dalam pertandingan bola sepak bahagian yang pertama di-padang Maria sedikit hari dahulu.

Kedua2 gol yang di-perolehi oleh Klab Melayu Shell itu di-jaringkan oleh Ibrahim Ghani.

Dalam masa pertengahan yang pertama Klab Melayu Shell telah mendapat gol-nya yang pertama menerusi Ibrahim Ghani satelah ia mendapat hantaran daripada Yusoff Murah.

Gol Klab Melayu Shell yang kedua itu telah di-perolehi lima minit sa-belum tamat pertandingan manakala Ibrahim Ghani berjaya menembusi masuk ka-dalam kubu pertahanan Klab Dayak Shell dan terus menjaringkan bola dengan tendangan yang kuat di-hadapan pintu gol Klab Dayak.

Kg. Sultan Lama lawan pejabat

BANDAR BRUNEI — Kampong Sultan Lama telah seri dengan Pejabat Perubatan dalam satu pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang bandar ini pada petang 24 January yang lalu dengan satu gol berbalas satu.

Yahya Ismail telah menjaringkan gol yang di-perolehi oleh Kampong Sultan Lama, manakala gol yang di-perolehi oleh pasukan Pejabat Perubatan itu di-jaringkan oleh Ajmain Abdul Kahar.

\$30 dan yang ketiga \$20.

Karangan itu hendak-lah disesuaikan dengan keadaan dan suasana di-sekitar Minggu Bahasa, dan mengandungi sa-kurang2-nya sa-banyak tujuh babak lakonan.



Persatuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College yang telah berjaya dalam lapangan bola sepak sa-bagai mana yang telah di-beritakan dalam "Pelita Brunei" keluaran yang lalu, telah sa-kali lagi mengalahkan sa-buah pasukan yang lain.

Pada kali tersebut persatuan itu telah mengalahkan Kuala Belait Recreation Club dengan empat gol tidak berbalas, di-padang Kuala Belait.

Awangku Madon bin Pengiran Besar, Mohamed bin Ismail, Awangku Yassin bin Pengiran Othman dan Abdullah bin Haji Ja'afar telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi pasukan yang menang itu.

Kennedy angkat sumpah menjadi Presiden

WASHINGTON. — Tuan John Kennedy telah di-lantek sa-chara rasmi sa-bagai Presiden Amerika Sharikat pada 20 January, 1961, ia-itu Presiden yang ke-35 dan yang muda sa-kali pernah mendiami Rumah Putih. Tuan Kennedy berumur 43 tahun.

Beliau telah memberi satu pengakuan yang ringkas untuk bekerja dengan sa-daya upaya bagi mengekalkan, melindungi dan mempertahankan perlembagaan.

Beliau ia-lah penganut mazhab Roman Catholic yang pertama dan juga orang yang pertama di-lahirkan dalam kurun yang ke-20 yang di-pilih menjadi Presiden, Ketua Negara, Ketua Kerajaan dan Penglima Agong Angkatan Bersenjata.

Tuan Kennedy telah mengangkat sumpah yang mengandungi 35 perkataan di-atas tangga puteh bangunan kongress yang berkilauan di-hadapan khalayak yang ramai sa-kali.

Sa-tamat sahaja Tuan Kennedy mengangkat sumpah, beliau mengambil kuasa dari orang yang tua sa-kali pernah berkhidmat di-Rumah Putih ia-itu Tuan Eisenhower yang berumur 70 tahun.

Tuan Kennedy yang berketurunan dari orang2 perpindahan bangsa Ireland telah menyeru kepada Soviet Union supaya membuat perhubungan bersama untuk memberhentikan perlumbaan senjata dan bekerjasama dalam gerakan sa-dunia melawan kekejaman, kemiskinan, penyakit dan peperangan.

Uchapan perlantekan rasmi Presiden Amerika yang baharu itu telah di-pandang di-kalangan diplomatik di-London sa-bagai sangat2 bertolak ansor dan memberi harapan baik bagi mengadakan rundingan Timor-Barat dalam tahun 1961.

Harapan di-London ia-lah agar Tuan Kennedy ujud sa-bagai saorang ketua Persatuan Barat yang sentiasa di-rasai

Lawatan Garcia ka-Persekutuan

KUALA LUMPUR — Presiden dari Filipina di-jangka akan melawat ka-Malaya dalam bulan ini dan berjumpa dengan Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman untuk merundingkan soal2 Tenggara Asia.

Lawatan itu telah di-ketahui dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Tengku Abdul Rahman berkenaan dengan betapa mustahak-nya rundingan yang lebeh rapat lagi di-adakan antara negara2 di-Tenggara Asia.

Kenyataan itu juga mengesahkan bahawa Tengku telah di-jemput oleh Perdana Luar Filipina, Tuan Serrano untuk melawat ka-Filipina menghadhiri rundingan keselamatan yang telah di-langsangkan di-Manila baharu2 ini.

berkurangan dalam masa perengkat penutup Pertadbiran-Eisenhower.

Tuan Kennedy nampak-nya mengelak dari mengancam Soviet Union dan blok komunis. Sa-balek-nya beliau telah merayu kepada kedua2 belah pihak supaya memulakan sa-mula men-chari jalan keatnasan.

Bagi negara2 yang baharu merdeka, Tuan Kennedy mengaku akan memberi sokongan penuh dan berkata bahawa beliau tidak berharap bahawa mereka sentiasa akan menyokong pendapat Amerika tetapi beliau berharap mereka sentiasa dengan sa-keras2-nya menyokong kemerdekaan mereka sendiri.

Jangan-lah sa-kali2 menyuroh Amerika Sharikat berunding kerana ketakutan, tetapi jangan-lah sa-kali2 takut hendak berunding demikian-lah kata penutup Presiden Kennedy sa-chara ber-falasafah.

Presiden Kennedy telah memementahkan kakitangan2 Jabatan Rumah Putih supaya datang bekerja pagi2 sa-lepas melalui satu malam perayaan kerana per-lantekan rasmi itu yang tamat hingga waktu suboh.

Beliau berchadang akan berada di-meja-nya pagi2 lagi untuk mengarahkan pasokan "sem-padan baharu-nya" bekerja, dan beliau telah memermentahkan semua kakitangan jabatan-nya supaya berada pada jam 9 pagi.

Presiden Kennedy ada-lah di-jangkan akan memberi perhatian-nya yang serta merta kepada beberapa masalaah luar negeri, termasuk Laos dan juga perkara2 dalam negeri yang menghendaki perhatian-nya yang segera.

ORANG2 EROPAH DI-CONGO MINTA PERLINDONGAN PBB

LEOPOLDVILLE (Congo) — Enam puluh orang Eropah kebanyakannya bangsa Belgium telah meminta perlindungan Bangsa2 Bersatu di-Stanleyville, sa-buah kubu tentera yang pro-Lumumba di-Wilayah Orientale di-mana satu gelombang baharu yang menakutkan nampak-nya telah mengenai penduduk2 kulit puteh.

Sa-orang juruchapak Bangsa2 Bersatu di-Leopoldville menyatakan bahawa ramai lagi orang2 Eropah telah lari dari Stanleyville dan banyak lagi akan meminta perlindungan Bangsa2 Bersatu.

Enam puluh orang tersebut sekarang berada di-dalam sa-buah bangunan dekat lapangan terbang Stanleyville.

Terdahulu dari ini, sa-orang juruchapak Bangsa2 Bersatu menyatakan bahawa 12 orang Belgium yang telah di-tangkap oleh orang2 pro-Lumumba telah di-bebaskan sa-lepas wang tebusan di-bayar.

Sementara itu Yugoslavia telah menuntut Bangsa2 Bersatu mengambil Tuan Lumumba ia-itu Perdana Menteri Congo yang di-penjara, dan juga teman2-nya yang di-penjarakan di-Wilayah Katanga supaya di-taroh di-bawah perlindungan-nya.

Dalam satu surat kepada Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Dag Hammarskjöld, wakil Yugoslavia itu menyatakan bahawa beliau percaya ini adalah tindakan sa-rendah2-nya yang boleh di-harapkan dalam keadaan yang ada sekarang ini.

Yugoslavia telah menudoh Pemerintah Bangsa2 Bersatu di-Congo berlembut yang tidak boleh di-terima yang mejudkan tanggong jawab sa-chara moral

atas "membiarkan campur tangan dari luar" yang telah memboktikan baharu2 ini dengan perbuatan kejam terhadap penganjur2 politik Congo.

Di-Kahirah, Majlis Perpaduan Afro-Asia telah merayu kepada Republik Arab Bersatu, Guinea, Indonesia dan Moroko yang kesemua-nya mahu menarek keluar tentera2 mereka dari angkatan Bangsa2 Bersatu di-Congo, supaya menghantar tentera2 mereka membantu kerajaan yang pro-Lumumba di-Stanleyville ibu kota Wilayah Orientale.

Perjanjian perniagaan Malaya Australia mungkin di-perluas

KUALA LUMPUR. — Perjanjian Perniagaan di-antara Malaya dan Australia yang akan sampai masa-nya untuk di-ulangkaji dalam bulan August tahun ini mungkin di-perluaskan lagi.

Ini telah di-nyatakan di-sini oleh Inche Sujak bin Rahiman, penguasa bahagian perniagaan di-Kementerian Perniagaan dan Perusahaan sa-belum beliau bertolak dengan kapal terbang ka-New Zealand sa-bagai sa-orang ahli rombongan yang akan menandatangani satu perjanjian perniagaan dengan negeri tersebut.

SAMBUTAN SA-CHARA BESARAN BAGI QUEEN

NEW DELHI. — Queen Elizabeth dan suami-nya, Prince Phillip telah tiba di-New Delhi pada 21 January dengan kapal terbang untuk memulakan lawatan mereka sa-lama 6 minggu ka-India, Pakistan, Nepal dan Parsi.

Presiden India, Doktor Rajendra Prasad ia-lah orang yang pertama sa-kali menyambut kedatangan Diraja itu. Kemudian baharu-lah Timbalan Presiden Sarvapalli Radhakrishnan dan Perdana Menteri Jawaharlal Nehru berjabat tangan dengan mereka.

Sa-lepas itu baginda Queen beruchap bahawa baginda berharap lawatan itu akan menjoukkan kepada dunia akan "penghormatan dan persahabatan di-antara British dan India."

Baginda Queen telah membalas ucapan selamat datang yang di-beri oleh Presiden Prasad yang berkata bahawa ia berharap lawatan baginda akan "menguatkan lagi persahabatan dan kemesraan di-antara India dan Britain.

Dalam ucapan-nya yang pertama sa-kali di-atas bumi India pada permulaan lawatan yang akan memakan masa sa-lama 24 hari dengan Duke of Edinburgh, baginda Queen berkata, "Beta berasa sukachita kerana dapat berada di-sini bagi kali pertama-nya. Beta berdua sangat2 memandang ka-hadapan dengan rasa gembira kepada ranchangan2 yang di-atorkan untuk kami berdua."

Dua hari kemudian baginda Queen pun berangkat ka-Jaipur dan telah menunggang sa-ekor gajah yang di-hiasi dengan lengkap-nya untuk menghadhiri satu jamuan yang di-beri oleh Maharajah Jaipur.

Menteri Perniagaan dan Perusahaan, Inche Mohamed Khir bin Johari yang mengetuai rombongan itu ka-New Zealand akan pergi ka-Canberra kemudian dengan Inche Sujak dan lain2 ahli rombongan-nya untuk melihat "perkara2 awal" yang berkaitan dengan ulangkaji perjanjian dengan Australia dalam bulan August.

Inche Sujak berkata bahawa perjanjian ini sudah pun meliputi sa-bahagian besar tetapi pindaan2, jika di-buat, akan meluaskan-nya lagi.